

Kekurangan pengutip buah, industri sawit rugi RM10.46 bilion

Kuala Lumpur: Industri sawit negara menanggung kerugian mencecah RM10.46 bilion bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini susulan isu kekurangan tenaga kerja yang menyaksikan 7.52 juta tan buah sawit tidak dapat dikutip.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata anggaran kerugian itu mengambil kira harga buah tandan segar (BTS) bagi tempoh Januari hingga Mei 2022 pada RM1,390 satu tan.

“Berdasarkan jumlah kekurangan penuai dan pemungut BTS iaitu seramai 28,940 orang dengan anggaran purata produktiviti dua tan BTS sehari, dianggarkan sebanyak 57,880 tan BTS sehari tidak dapat dituai.

“Mengambil kira bilangan hari bekerja iaitu 26 hari sebulan, jumlah anggaran BTS yang tidak dapat dituai adalah 1.5 juta tan sebulan.

“Dengan pengiraan ini, anggaran kerugian buah sawit yang tidak dapat dipetik kerana tiada tenaga buruh dalam tempoh lima bulan pertama bagi

tahun ini adalah sebanyak 7.52 juta tan, dengan nilai RM10.46 bilion,” katanya ketika menjawab soalan lisan Dewan Rakyat yang dikemukakan Dr Azman Ismail (Kuala Kedah).

Zuraida berkata, sektor perladangan sawit sangat bergantung kepada pekerja asing di mana lebih daripada 75 peratus daripada keseluruhan guna tenaga di sektor berkenaan adalah terdiri daripada pekerja asing. “Penutupan sempadan negara bermula Mac 2020 sehingga Mac 2022 akibat pandemik COVID-19 telah menyebabkan isu kekurangan guna tenaga di sektor ini menjadi lebih meruncing.

“Walaupun pintu sempadan negara telah dibuka, kemasukan pekerja asing ke sektor perladangan sawit ini masih belum pulih sepenuhnya.

“Bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini, purata kekurangan pekerja di sektor perladangan sawit adalah dianggarkan seramai 54,190 orang di mana 53.4 peratus (28,940 orang) daripadanya kategori kerja penuaian dan pemungutan BTS,” katanya.